

03/06/2000

Projek mega jana pembangunan susulan

Ebi Azly Abdullah

SATU elemen menarik mengenai pertumbuhan ekonomi di Malaysia ialah pelaksanaan projek gergasi yang menjana pelbagai pembangunan susulan. Ini adalah strategi utama kerajaan sejak awal 1990-an lagi kerana projek berkenaan menyediakan peluang pekerjaan, menyerap teknologi baru dan memberikan imej sebuah negara yang pesat membangun kepada Malaysia.

Mercu tanda di antara semua projek gergasi itu sudah tentu Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Putrajaya. Kemunculan Putrajaya yang mengambil sempena nama Almarhum Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra adalah langkah terbaik di ambil kerajaan bagi memperluaskan skop pembangunan negara dengan memperseimbangkan antara pembangunan pentadbiran, telekomunikasi dan perdagangan selain mengatasi kesesakan lalu lintas di ibu kota.

Kawasan berkenaan berada di kawasan yang strategik iaitu 25 km dari Pusat Bandar Kuala Lumpur, 20 kilometer (km) dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), serta terletak di tengah lebuhraya teknologi maklumat, Koridor Raya Multimedia (MSC).

Putrajaya yang mempunyai kawasan seluas 14,780 hektar yang diperuntukkan oleh kerajaan sebagai bandar raya taman dijangka boleh menampung 570,000 penduduk. Kira-kira 250,000 penduduk akan menghuni 67,000 unit rumah, daripadanya 36,000 unit (52 peratus) perumahan kerajaan dan 32,000 unit (48 peratus) perumahan awam.

Pembangunan bandar bestari itu adalah satu terjemahan ilham Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mementingkan tiga ciri utama termasuk pengekalan kehijauan alam, keharmonian antara kaum dalam satu kelompok masyarakat majmuk dan keseimbangan penduduknya daripada pelbagai peringkat pendapatan.

Sistem pengangkutannya juga canggih dengan Putrajaya dilengkapi lima terminal pengangkutan awam, dihubungi oleh perkhidmatan transit rel ringan (LRT), perkhidmatan bas sokongan dalam dan antara bandar, dan perkhidmatan pengangkutan air. Pelbagai kemudahan telekomunikasi yang akan tercerna termasuk persidangan video, tele-perubatan, kemudahan internet dan intranet (dunia di hujung jari anda) dan Pusat Kawalan Bandar (CCC).

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan Kompleks Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya memenuhi ciri-ciri pentadbiran yang mengurangkan kerenah birokrasi dengan pengenalan konsep teknologi maklumat (TM) dan birokrasi tanpa kertas dengan tenaga kerja yang mahir dengan komputer.

Di bahagian barat Putrajaya, muncul pula Cyberjaya - bandar IT utama bagi MSC yang dilancarkan oleh Dr Mahathir tahun lalu. Pelan pembangunan Cyberjaya dibahagikan kepada empat zon utama dan pelaksanaan fasa pertama mulai 1997 hingga 1999 membabitkan kawasan seluas 883 hektar, merangkumi pembinaan Universiti Multimedia Malaysia (UMM) dan makmal NTT Corporation.

Selain itu, tiga fasa lagi akan dimajukan secara berperingkat iaitu fasa kedua mulai 2000 hingga 2002 di kawasan seluas 596 hektar; fasa ketiga di kawasan 592 hektar (2003-2007) dan fasa keempat membabitkan 784 hektar (2008-2020).

Satu elemen menarik dalam fasa pertama itu ialah pembinaan Perkampungan Seni Pintar (E-Village). Fasa 1A E-Village membabitkan pembinaan studio virtual dan pentas bunyi yang menggunakan peralatan canggih dengan keluasan 20,000 kaki persegi dan ketinggian 210 meter bersamaan dengan ketinggian bangunan sembilan tingkat, membabitkan kos RM40 juta.

Komponen asas bagi Perkampungan Seni Pintar ialah pembangunan studio

merangkumi Time Walk, studio profesional, termasuk kemudahan pos-produksi, studio virtual, pentas bunyi, kemudahan pentas dan institut khas bagi melatih pekerja dalam bidang perfileman.

Di selatan Putrajaya/Cyberjaya, tersergam indah KLIA yang terletak di kawasan simpanan kira-kira 10,000 kilometer persegi, kira-kira 70 kilometer ke selatan Kuala Lumpur. Fasa pertama projek gergasi itu membabitkan kos RM10.5 bilion dan dianggap pembinaan lapangan terbang terpantas dalam sejarah.

KLIA menandakan suatu era baru dalam bidang penerbangan di Malaysia kerana ia membawa bersama suatu paradigma mendadak dalam konsep pengendalian lapangan terbang yang wujud dalam bentuk Sistem Pengurusan Lapangan Terbang Menyeluruh (TAMS).

Menerusi sistem itu, semua komponen lapangan terbang disepadukan di bawah satu pengurusan sekali gus menjamin kesinambungan dan kelancaran perjalanan KLIA, yang disalurkan terus kepada pengguna dan syarikat penerbangan.

Walaupun tempoh awal pembukaannya dihantui pelbagai masalah, ia berjaya diatasi dengan segera dan kini operasi KLIA menjadi kebanggaan negara, khususnya ketika Sukan Komanwel ke-XVI dan Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec), pada 1998.

Dan baru-baru ini, KLIA diiktiraf sebagai yang keenam terbaik di dunia secara keseluruhan, oleh Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA), di kalangan 60 lapangan terbang global.

Di pusat bandar raya, konsep pengangkutan awam akan berubah menjelang akhir tahun ini apabila Stesen Pusat Kuala Lumpur di KL Sentral yang menjadi induk bagi semua pengangkutan utama termasuk perkhidmatan rangkaian keretapi laju, Hubungan Rel Ekspres (ERL) ke KLIA dan Putrajaya, siap dibina.

Semua ini adalah sebahagian projek Kuala Lumpur Sentral. Selain Stesen Pusat KL, fasa pertama projek berkenaan mengandungi Plaza Sentral, hotel lima dan empat bintang, kondominium, dewan pelbagai guna serta bangunan pejabat dan perniagaan.

Fasa seterusnya termasuk hotel, bangunan pejabat guna tertentu, pusat sukan, kondominium dan apartmen. Bagaimanapun, tumpuan utamanya sudah tentunya Stesen Pusat KL. Ia pusat pertukaran terbesar bagi LRT dan rangkaian keretapi Komuter KTM Berhad (KTMB), selain penghubung utama perkhidmatan keretapi Singapura-Kuala Lumpur-Bangkok.

Lebih mengkagumkan apabila mereka yang ingin ke luar negara tidak perlu lagi menjalani pemeriksaan kastam dan imigresen di KLIA sebaliknya hanya melakukannya di KL Sentral dan tidak perlu risau untuk bergegas ke sana kerana perjalanan hanya memakan masa kira-kira 30 minit.

Penumpang hanya perlu memilih untuk ke KLIA menggunakan perkhidmatan terus menerusi ERL yang memakan masa hanya kira-kira 35 minit atau Perkhidmatan Rel Komuter (CRS) yang akan berhenti di tiga perhentian iaitu di Bandar Tasik Selatan, Salak Tinggi dan Putrajaya untuk mengambil penumpang sebelum menuju ke KLIA.

Sementara itu, KL City Air Terminal (KL CAT) turut menyediakan kemudahan seperti di lapangan terbang dan adalah yang pertama di dunia yang membolehkan penumpang menjalani proses daftar masuk dan keluar. KL Sentral dikodkan sebagai XKL oleh IATA.

Ada beberapa ruang utama dalam kawasan seluas kira-kira 996,308 kaki persegi itu seperti Konkos Utama, Konkos Transit, Konkos Berlepas, Konkos Ketibaan serta dua blok utama iaitu Blok Utara yang berhadapan dengan Muzium Negara dan juga adalah pintu masuk utama dan Blok Selatan.

KL Sentral mengandungi 28 trek termasuk 12 trek penumpang dan 12 platform iaitu empat platform komuter KTM dan masing-masing dua platform untuk keretapi, ERL, CRS dan Putra-LRT, sekaligus menjanjikan penyelesaian,

kemudahan dan kepantasan.

Pengangkutan darat juga tidak lari daripada pelaksanaan projek gergasi, dengan Lebuhraya Pantai Timur (LPT) sebagai penjana ekonomi rantau berkenaan, selepas menyaksikan perkara yang berlaku di pantai Barat selepas siapnya Lebuhraya Utara Selatan.

Pembinaan fasa pertama projek LPT sepanjang 107 kilometer berharga RM830 juta membabitkan Pahang dan Terengganu, bermula akhir tahun lalu, merangkumi dua bahagian iaitu dari Chendering ke Bukit Besi di Terengganu sepanjang 57 kilometer dan bahagian kedua dari Karak ke Temerloh di Pahang sejauh 50 kilometer.

(END)